

# MAINS SALUR RM300,000 BANTU MAKANAN 800 PELAJAR UITM NEGERI SEMBILAN

**SEREMBAN** – Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) menyalurkan peruntukan sebanyak RM300,000 melalui dana fidyah bagi melaksanakan program MAINS-Care Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang menyediakan tajaan makanan tengah hari kepada 800 pelajar asnaf dan kurang berkemampuan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan.

Setiasaha MAINS, Tuan Haji Zainal bin Said berkata program rintis ini menyasarkan pelajar dari kampus Rembau, Kuala Pilah dan Seremban di mana setiap pelajar menerima tajaan makanan bernilai RM15 seminggu untuk tempoh 25 minggu.

“Program ini merupakan inisiatif kebajikan menggunakan dana fidyah yang dibayar oleh umat Islam di Negeri Sembilan dan disalurkan semula kepada golongan memerlukan, khususnya pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

“Agihan makanan akan dilakukan melalui aplikasi MAINSPay dengan kerjasama MobilityOne sebagai ejen pembayaran rasmi. Pelajar boleh menebus makanan siap masak di kafeteria berdaftar UiTM,” katanya ketika melancarkan program berkenaan di UiTM Kampus Seremban, hari ini. Turut hadir Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Prof Dr Yamin Yasin dan Pengarah Jabatan Wakaf dan Mal MAINS, Norazman Amat.

Tambah Zainal, MAINS-Care IPT adalah kesinambungan kepada program sedia ada seperti MAINS-Care RMT untuk pelajar sekolah rendah asnaf serta MAINS-Care Tahfiz bagi pelajar tahfiz terpilih di seluruh negeri. “Kesemua program ini dibiayai sepenuhnya menggunakan dana fidyah, selari dengan pendekatan Maqasid Syariah dalam menjaga kebajikan dan keperluan golongan asnaf serta mustahik,” katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada pembayar fidyah, pengurusan UiTM, syarikat MobilityOne serta pengusaha kafeteria yang

menjayakan pelaksanaan program ini.

“MAINS juga mengalu-alukan kerjasama strategik bersama institusi pengajian tinggi lain demi memperkasakan kesejahteraan ummah. Kami berharap para pelajar menjadikan bantuan ini sebagai pembakar semangat untuk terus berjaya bukan sahaja dalam akademik malah juga dari segi sahsiah dan kepimpinan,” tambah beliau.

Sementara itu, Prof Dr Yamin menyifatkan program tersebut walaupun kecil dari segi nilai kewangan, namun besar ertinya kepada para pelajar yang memerlukan.

“Gunakan peluang ini sebaiknya. Ini adalah rezeki, dan lebih penting, jadilah graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga berintegriti dan berwibawa,” katanya.



# Fidyah



Imbas untuk bayar fidyah anda secara dalam talian.

Firman Allah S.W.T. bermaksud: “...Dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahuinya.” (Surah al-Baqarah, ayat 184)

Fidyah sesuatu yang dibayar untuk menembus diri, baik bentuk harta atau tindakan lain yang dilakukan kerana kekurangan dalam satu amal ibadah yang tertinggal atau dilaksanakan secara tersalah.

**Kadar Fidyah:**  
688 gram makanan asasi  
(¼ gantang)

\*Rujuk kadar semasa melalui Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

**Golongan yang dikenakan fidyah:**

- Orang yang menangguhkan qada puasanya sehingga tiba Ramadan yang berikutnya.
- Orang yang uzur sama ada orang tua yang tidak mampu berpuasa atau orang yang sakiti tiada harapan sembuh.
- Ibu hamil atau ibu masih menyusui anaknya dan tidak berpuasa Ramadan (Bimbang akan kesihatan dirinya atau janinnya).
- orang yang telah meninggal dunia dan tidak sempat menggantikan puasanya.



Port Dickson

MAINS (Daerah Port Dickson) menyalurkan bantuan awal kepada tiga keluarga terjejas banjir kilat di Kampung Jimah Baru susulan makluman JPKK. Sumbangan berupa wang tunai RM500 dan set toto disampaikan oleh PPMD, Shahirah Mohd Yusof.



Port Dickson

Kompleks Baitul Hilal dengan kerjasama NGO Sustainability Solution menganjurkan Program Kesedaran Astronomi & Beach Clean Up di PD Wellness, Telok Kemang bertujuan meningkatkan kesedaran kesan pencemaran terhadap aktiviti cerapan langit. Sebanyak 254kg sampah berjaya dikutip oleh 68 peserta.



Seremban

Seramai 35 saudara Muslim telah menyertai Kursus Asas Kefahaman Islam (Siri 3) anjuran Unit Ukhuwah JHEAINS dengan kerjasama Kompleks As-Sa'adah MAINS selama 3 hari 2 malam bagi memberi pendedahan asas ilmu fardu ain



Rembau

MAINS (Daerah Rembau) bersama ADUN Kota, YB Tuan Suhaimi Aini menziarahi Mohd. Saini Salijan, asnaf fakir dari Kampung Bongek yang menghidap komplikasi pernafasan akibat penyakit kanser. Penerima bantuan lain yang telah diterima adalah mesin oksigen dan susu khas melalui amanah zakat MAINS.



Rembau

MAINS (Daerah Rembau) bersama ADUN Chembong, Dato' Zaifulbahri Idris menziarahi dan menyampaikan bantuan wang tunai kecemasan kepada Latib Ibrahim, pesara tentera yang kini terlantar selepas terjatuh. Beliau bergantung sepenuhnya kepada pencen bagi menyara isteri serta dua anak yang turut menghidap masalah kesihatan.



Seremban

Setiasaha MAINS, YBrs. Tuan Haji Zainal Said menziarahi lima orang asnaf terlantar sekitar Seremban dan Seremban 2 melalui Program Ziarah Kasih khususnya melibatkan penyakit kronik dan memerlukan perhatian berterusan.



Seremban 2

MAINS (Cawangan Seremban 2) menziarahi keluarga asnaf di Kampung Siliu, Muhammad Fiqri, bekas pelajar SHAMS yang meraih 10A dalam SPM. Keluarga ini telah menerima bantuan zakat sejak 2021.



Rembau

MAINS (Daerah Rembau) telah menganjurkan Program Pengurusan Emosi khas buat amil lantikan MAINS di Hotel Royale Chulan, Seremban bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan emosi dan stres demi kesejahteraan mental dan fizikal.